

## SATU DAN DUA SAMUEL

### Mesej Tujuh

#### **Daud Mentamsilkan Kristus, Iaitu Daud yang Sejati— Raja bagi Kingdom Tuhan yang Akan Datang**

Bacaan Bible: 1 Sam. 21:1-6; 2 Sam. 7:16; 23:1-7; Amos 9:11-12; Mat. 1:6; 12:1-4

#### **I. Daud mentamsilkan Kristus, iaitu Daud yang sejati—1 Sam. 21:1-6; 2 Sam. 23:1-7; Mat. 12:1-4:**

- A. Daud merupakan tamsil bagi Kristus yang paling menyeluruh dan meliputi tempoh masa yang terpanjang, yang diwahikan dalam Wasiat Lama; Wasiat Baru juga jelas mewahikan bahawa Daud mentamsilkan Kristus—Mat. 12:3.
- B. Sejajar dengan prinsip yang dilihat dalam Matius 12, bahawa Kristus lebih agung daripada segala tamsil, lebih agung daripada semua benda dan orang dalam Wasiat Lama yang mentamsilkan-Nya, Kristus ialah Daud yang lebih agung:
  - 1. Kata-kata Tuan dalam Matius 12:3-4 mengimplicasikan bahawa Dia ialah Daud yang sejati:
    - a. Daud mempunyai pengikut, dan Kristus, iaitu Daud yang sejati, juga mempunyai disipal sebagai pengikut-Nya.
    - b. Semua ini mengimplicasikan bahawa Daud dan pengikutnya ialah suatu tamsil, suatu pralambang, bagi Kristus dan disipal-Nya.
  - 2. Kata-kata Tuan dalam Matius 12:3-4 juga mengimplicasikan penukaran kala zaman dari kehentaran ke kemaharajaan:
    - a. Kedatangan Daud menukar kala zaman dari zaman hentar ke zaman raja; pada zaman itu, raja lebih tinggi daripada hentar.
    - b. Melalui kedatangan Kristus, kala zaman juga ditukar; kali ini dari zaman hukum ke zaman kurnia; pada zaman ini, Kristus mengatasi segala sesuatu.
    - c. Dalam Matius 1:6, Daud dipanggil “raja” kerana kingdom berserta kemaharajaan dibawa masuk melalui dia; dia menjadi penanda dua zaman, yakni penamat bagi satu zaman dan pemula bagi zaman yang seterusnya.
- C. Daud yang mentamsilkan Kristus yang menderita itu diwahikan dalam Mazmur 22, 109, dan 110:
  - 1. Dalam Mazmur 22, kita melihat Daud yang menderita itu mentamsilkan Kristus yang menderita itu melalui kematian-Nya—ay. 1a, 6-21.
  - 2. Mazmur 109 ialah doa yang dipersembahkan oleh Daud tentang penderitaannya:
    - a. Di sini, Daud merupakan tamsil bagi Kristus, dan penderitaan Daud mentamsilkan penderitaan Kristus.
    - b. Doa Daud berkenaan penderitaannya mentamsilkan doa Kristus.
  - 3. Doa dalam Mazmur 109 dikabulkan dalam Mazmur 110:
    - a. Memandangkan Mazmur 110 ialah pengabulan kepada doa Daud sebagai tamsil bagi Kristus dalam Mazmur 109, maka Mazmur 110 harus dianggap sebagai pengabulan kepada doa Kristus—Ibr. 5:7.
    - b. Tuhan mengabulkan doa ini bukan sahaja menerusi kebangkitan Kristus, tetapi juga menerusi kenaikan Kristus ke syurga—Kis. 2:23-24, 32-33; 5:31.
- D. Daud juga mentamsilkan Kristus dalam kata-katanya yang terakhir—2 Sam. 23:1-7:
  - 1. Daud, suatu tamsil bagi Kristus, memerintah dengan adilbenar dalam kalangan manusia dalam ketakwaan terhadap Tuhan—ay. 3b.
  - 2. Daud, suatu tamsil bagi Kristus, adalah seperti cahaya pagi semasa matahari terbit tanpa awan—ay. 4a.

## GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

### Mesej Tujuh (sambungan)

3. Apabila Kristus memerintah dengan adilbenar dalam kalangan manusia dalam ketakwaan terhadap Tuhan, Dia seperti cahaya pagi semasa matahari terbit, “seperti rumput muda bertunas dari bumi / Di bawah sinaran matahari selepas hujan”—ay. 4b.

## II. Raja Daud mentamsilkan Kristus Raja itu—1 Sam. 16:12; 2 Sam. 16:5-6; Mat. 1:6; 2:2; 27:11; Wahi 19:16:

- A. Raja Daud mentamsilkan Kristus—Raja bagi kingdom Tuhan yang akan datang—sebagai raja yang dilantik oleh Tuhan, iaitu raja yang berjuang, dan raja yang dipandang hina dan ditolak oleh manusia—1 Sam. 16:12; 2 Sam. 16:5-6:
  1. Seperti yang ditamsilkan oleh Daud, Kristus ialah Raja yang berjuang, yang telah meraih kemenangan atas semua musuh-Nya, yang telah memperoleh tanah, dan yang telah menyediakan semua bahan untuk pembinaan gereja sebagai bait Tuhan—1 Taw. 21:22-25; 29:29.
  2. Selepas Kristus menduduki bumi, Dia akan memerintah bumi sebagai Raja dalam kingdom, memerintah bangsa-bangsa bersama-sama percayawan-Nya yang jayeng—Wahi 20:4, 6; 2:26-27.
  3. Sebagai Raja yang akan datang, Kristus akan menjadi Kepala dan pusat kingdom Tuhan yang akan datang pada zaman milenium; ini akan menjadi penggenapan Yesaya 32:1, Yeremia 23:5, dan Zakharia 14:9 serta 17.
- B. Para penyabda berbicara tentang Daud dan Kristus seperti satu orang—Yer. 30:9; Yeh. 34:23-24; 37:24-25; Hos. 3:5; Amos 9:11:
  1. “Mereka akan melayan Yehova Tuhan mereka dan Daud Raja mereka, yang akan Aku bangkitkan bagi mereka”—Yer. 30:9.
  2. Ini merujuk kepada Kristus, yang merupakan Daud yang sejati dan yang akan menjadi Raja pada masa restorasi, iaitu zaman milenium—Yes. 32:1; Wahi 20:4, 6.
  3. “Aku akan mengangkat satu Gembala atas mereka, yakni Hamba-Ku Daud, dan Dia akan memberi mereka makan; Dia akan memberi mereka makan, dan Dia akan menjadi Gembala mereka...Dan Hamba-Ku Daud akan menjadi Pemimpin dalam kalangan mereka”—Yeh. 34:23-24:
    - a. Daud mentamsilkan Kristus, Gembala sebenar bagi kawanan Tuhan, yang memberi kita makan dan menjadikan kita kenyang dan puas—Yoh. 10:11; Ibr. 13:20; Yes. 9:7; Hos. 3:5; Mi. 5:2; Luk. 1:32-33.
    - b. Apabila Tuan Yesus datang sebagai Gembala untuk menjaga kita, Dia juga datang sebagai Raja untuk memerintah kita; hasil daripada Tuan menjaga kita sebagai Gembala ialah kita patuh kepada-Nya sebagai Raja kita dan berada di bawah kemaharajaan-Nya serta takhta-Nya dalam kita.
  4. “Hamba-Ku Daud akan menjadi Raja mereka, dan mereka semua akan mempunyai satu Gembala”—Yek. 37:24:
    - a. Ini merujuk kepada Kristus Gembala kita, yang merupakan Daud yang sejati.
    - b. Berkenaan Israel, nubuat yang diberikan di sini akan digenapi pada zaman milenium, zaman restorasi, dan dalam keabadian, dalam langit baru dan bumi baru.
  5. “Sesudah itu, bani Israel akan kembali dan mencari Yehova Tuhan mereka dan Daud Raja mereka, dan mereka akan datang dengan ketakwaan kepada Yehova dan kepada kebaikan-Nya pada hari-hari terakhir”—Hos. 3:5:
    - a. Daud Raja mereka ialah Kristus dalam zaman milenium.

## SATU DAN DUA SAMUEL

### Mesej Tujuh (sambungan)

- b. *Hari-hari terakhir* merujuk kepada zaman restorasi—Mat. 19:28.
- C. Dalam pemerintahan Tuan yang akan datang, kuasa dan kemuliaan Tuhan akan dimanifestasikan sepenuhnya, dan seluruh bumi berserta penduduknya akan dibawa ke dalam keadilan, damai sejahtera, keriang, dan berkat penuh penciptaan Tuhan—6:13; Yes. 32:1, 16-18; 35:1-2, 5-7.
- III. Kingdom Daud mentamsilkan kingdom Kristus yang akan datang—2 Sam. 7:12, 16; Mrk. 11:10; Wahi 11:15:**
- A. Menerusi penyabda Natan, Yehova bersabda kepada Daud, dengan berkata, “Rumahmu dan kingdommu akan diteguhkan buat selama-lamanya di hadapanmu; takhtamu akan dikukuhkan buat selama-lamanya”—2 Sam. 7:16:
1. Rumah Daud merujuk kepada Kristus, kingdom Daud merujuk kepada kingdom Kristus, dan takhta Daud merujuk kepada takhta Kristus—ay. 16.
  2. Kingdom Daud ialah kingdom Kristus, serta Daud dan Kristus mempunyai satu takhta—Yes. 9:7; 16:5; Luk. 1:32; Kis. 2:29-31.
  3. Sabda Tuhan yang disampaikan oleh ketua malaikat Gabriel juga mengesahkan bahawa waadah Daud akan digenapi dalam Kristus—Luk. 1:32-33.
  4. Janji Tuhan kepada Daud bahawa rumah dan kingdomnya akan diteguhkan dan bahawa takhtanya akan dikukuhkan buat selama-lamanya digenapi dalam Kristus.
  5. Kristus akan mewarisi takhta Daud menurut janji Tuhan kepada Daud untuk memerintah kaum Yakub buat selama-lamanya, dan berkenaan kingdom-Nya, tidak akan ada kesudahan—ay. 32-33:
    - a. Bahagian bumiah kingdom milenium pada zaman yang akan datang itu akan menjadi kingdom Mesias, yang digelar sebagai kingdom Anak Manusia dalam Matius 13:41 (Wahi 11:15).
    - b. Ini akan menjadi kingdom Israel yang direstorasikan (Kis. 1:6), tabernakal Daud—kingdom Daud—yang akan dibina semula oleh Tuan (15:16; Mrk. 11:10).
- B. Amos bernubuat bahawa sebagai Raja, Kristus akan membangunkan “tabernakal Daud yang telah roboh”—Amos 9:11:
1. Tabernakal Daud ialah kingdom Daud dan kerabat diraja Daud—2 Sam. 7:12, 16.
  2. Kingdom itu, kerabat diraja itu, telah roboh sewaktu Nebukadnezar datang menakluki bangsa Israel, membinasakan tanah itu, membakar kota, memusnahkan bait, dan membawa raja pergi sebagai tawanan—2 Raj. 25:1-21.
  3. Dalam nubuat Amos, Tuhan berjanji bahawa pada hari tertentu kingdom Daud dan kerabat Daud akan dipulihkan, dan semua bangsa akan digelar menurut nama Yehova—Amos 9:11-12.
  4. Nubuat ini menunjukkan bahawa Kristus akan kembali untuk menjadi Daud yang sejati (Yes. 9:7; 16:5; Yer. 30:9; Yeh. 34:23-24; 37:24-25; Hos. 3:5) dan akan membina semula, iaitu memulihkan, kingdom bapa leluhur-Nya Daud demi restorasi seluruh alam semesta.
  5. Pada masa itu, kingdom Daud akan menjadi kingdom Kristus dan Tuhan hingga keabadian—Wahi 11:15.
  6. Tuan akan duduk di atas takhta Daud dan memerintah Yakub, iaitu bangsa Yahudi (Luk. 1:32-33), dan Dia akan memerintah bangsa-bangsa di bumi pada zaman milenium (Mzm. 2:8; 72:8; Dan. 7:14; 2:35).